

CNS4178

U GB 05-05 00173 BH399

BAH

MAHATHIR NASIHATI BELIA JANGAN DIRESAPI BUDAYA BARAT

Mahathir - Belia

IPOH, 5 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa golongan belia supaya menyediakan diri untuk memastikan pencapaian Wawasan 2020 dengan menjauhkan diri daripada diresapi budaya dan nilai hidup kebaratan yang tidak sesuai dengan kemajuan negara.

Perdana Menteri berkata, mereka sebagai pewaris negara yang bertanggungjawab terhadap pencapaian wawasan itu hendaklah mendisiplinkan diri dan sanggup melawan arus pemikiran dan budaya asing yang jelas sudah melampau batas, walaupun mereka dicap ketinggalan zaman.

Kebebasan bukanlah matlamat tetapi hanyalah merupakan alat untuk menuju kebahagiaan dan kemajuan, katanya ketika merasmikan perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Indera Mulia, di sini hari ini.

+Sepertimana kita bebas untuk meniru, kita juga harus bebas untuk tidak meniru dan mengekalkan identiti kita, jika dengannya kita akan mencapai kebahagiaan dan kehormatan,+ tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, golongan belia perlu mengekalkan aspek-aspek nilai dan budaya lama dalam masyarakat Malaysia yang menghormati peraturan dan sekatan terhadap kebebasan pada tahap yang munasabah. -- Lagi.

▼05/05/12-26MST

CNS4189

U GB 05-05 00153 BH400

BAH

Mahathir - Belia 2 Ipoh

Beliau berkata, kebebasan tanpa had yang dipuja Barat akan membinasakan rakyat dan menyebabkan mereka ketinggalan selama-lamanya, mundur dan terhina.

Katanya, yang penting ialah rakyat dapat mengenali apa yang harus ditapis dan dikikis bukan sahaja daripada pengaruh budaya dan nilai asing tetapi juga daripada budaya dan nilai asli dalam masyarakat Malaysia.

+Seperti juga kita sedar nilai-nilai dan budaya buruk yang melanda masyarakat maju tidak baik bagi kita, kita juga harus kawal dan sedar bahawa ada antara budaya dan nilai-nilai asal kita yang buruk yang menyebabkan kita tidak mencapai kemajuan dahulu,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, untuk maju, rakyat perlulah membendung nafsu dan mengamalkan nilai dan budaya yang mulia, yang memelihara maruah dan kehormatan bangsa.

Institusi seperti keluarga dan perkahwinan perlu dihormati dan disanjung tinggi dan sifat-sifat mulia seperti bersopan-santun dan beradat-resam, berdisiplin dan tertib perlu dikekalkan, tegasnya. -- Lagi.

CNS4217

U GB 05-05 00138 BA367

BAH

Mahathir - Belia 3 Ipoh (Ulangan utk gugurkan para satu yang sama dengan para akhir)

Beliau berkata, penekanan yang diberikan kepada budaya dan nilai hidup yang mulia ini adalah penting kerana negara ingin mencapai kemajuan yang tinggi seperti yang dihasratkan Wawasan 2020.

Dr Mahathir berkata, jika rakyat asyik dengan keseronokan semata-mata, malas, tidak berdisiplin dan tidak menghormati peraturan baik daripada segi berpakaian atau kekemasan tubuh badan maka negara tidak akan maju.

Beliau berkata, menerima cara dan budaya yang membawa kemajuan dari negara yang maju, memanglah satu perkara yang waras, tetapi rakyat harus kenal dan faham apa yang sedang berlaku dalam masyarakat maju.

Menurutnya, masyarakat maju kini sedang menuju kemunduran dan kehancuran kerana mereka taksab dengan prinsip kebebasan individu dan menolak nilai-nilai budaya lama mereka. -- Lagi

▼05/05/13-27MST

U GB 05-05 00198 BH402

BAH

Mahathir - Belia 4 (Akhir) Ipoh

Perdana Menteri berkata, masyarakat barat kini menganggap individu adalah raja dan bebas daripada sebarang larangan dan peraturan sehingga mereka mengetepikan agama.

Akibatnya, mereka menjadi masyarakat yang tidak bermoral, menolak institusi perkahwinan dan keluarga, bersekedudukan serta homoseks menjadi amalan mereka dan anak-anak tidak lagi mengenal bapa, katanya.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah pagi ini disambut meriah dengan paluan kompang dan bunga manggar. Sebanyak 5,000 orang belia dan orang kenamaan negeri menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Selepas itu, Dr Mahathir yang diiringi Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib memeriksa perbarisan yang terdiri daripada belia yang mewakili pertubuhan-pertubuhan belia dan politik dari seluruh negara sebelum diiringi kumpulan belia bermotosikal menuju Stadium Indera Mulia.

Setibanya di stadium itu, beliau menerima tabik dan memeriksa perbarisan kehormatan daripada pasukan beruniform yang terdiri daripada 200 orang murid-murid sekolah.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut melancarkan Hari Belia Negeri Perak, Program Malaysia Sejagat dan Anugerah Remaja Perdana yang pertama kali diperkenalkan di samping menerima buku yang mengandungi sejuta tandatangan belia dari seluruh negara yang menyatakan sokongan mereka kepadanya supaya meneruskan kepimpinan negara. -- Bernama.

▼05/05/12-55MST